

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

SOALAN : NO. 67

YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana usaha Kementerian memastikan kualiti kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT bagi mencapai sistem pendidikan tinggi negara terunggul di dunia memandangkan jika tidak dikawal dengan baik ia akan menyumbang kepada masalah gejala sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat komited dan serius dalam memastikan pelajar antarabangsa yang diterima melanjutkan pengajian di Malaysia memenuhi kualiti yang ditetapkan.

Selaras dengan Lonjakan Kelapan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Keunggulan Global, program pengajian yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTTS) perlu menjalani proses jaminan kualiti yang turut meliputi aspek kurikulum sebelum ianya diluluskan oleh KPT. Selain dari keperluan untuk memenuhi struktur kurikulum yang tertakluk kepada bidang pengajian berkenaan, IPTTS juga perlu melaksanakan mata pelajaran wajib ke atas semua pelajarinya sepertimana termaktub di bawah Akta Institusi Pendidikan

Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Mata pelajaran wajib ini termasuk pengajian Islam atau pendidikan moral bagi pelajar bukan beragama Islam. Langkah ini merupakan usaha bagi memastikan pelajar turut diterapkan dengan nilai-nilai murni sejagat.

Untuk memastikan kualiti pelajar antarabangsa, permohonan pas pelajar antarabangsa akan melalui saringan akademik yang di buat oleh *Education Malaysia Global* (EMGS). Ia bertujuan memastikan hanya mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian sahaja dibenarkan masuk. Bagi pelajar dari negara sub-sahara, sijil "No objection" merupakan syarat tambahan yang perlu dikemukakan. Selain itu, warganegara Nigeria pula dikehendaki mengemukakan "Letter of Good Conduct" yang merupakan surat jaminan yang dikeluarkan oleh pihak kedutaan.

Dalam menangani masalah gejala sosial, KPT melaksanakan pemantauan berterusan ke atas IPTS bagi mengelakkan pelajar antarabangsa melibatkan diri dalam aktiviti tidak sihat. Akta 555 memperuntukkan kuasa ke atas Ketua Eksekutif untuk memastikan disiplin pelajarinya terkawal di samping pelaksanaan program sahsiah pelajar oleh Kementerian. KPT turut melaksanakan pemantauan secara bersepadu bersama Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM.